

Newspaper	Berita Harian
Date	28/11/2012

## BN komited satukan bangsa, majukan negara

B4 - 28/11/12

**Barisan Nasional (BN)** adalah satu-satunya parti yang berjaya menyatupadukan semua bangsa walaupun berlainan agama dan fahaman politik.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (**gambar**), berkata ini terbukti dengan keamanan yang dikecapi negara sejak bebas daripada penjajah dan kemudian dipimpin oleh pemimpin BN yang sentiasa komited memajukan bangsa dan negara.

"Kita (BN) mampu menghadapi serta menyelesaikan segala masalah seberapa segera sebelum ia menjadi parah.

### Konflik tak gugat ketenteraman



"Sesungguhnya konflik dan pertelingkahan tidak akan mengganggu gugat ketenteraman serta keamanan yang kita kecapai selama ini," katanya pada majlis makan malam meraikan peserta forum antarabangsa bertajuk 'Konflik dan Pendamaian Dalam Politik Rakyat: Menoleh Ke Be-

lakang atau Memandang Ke Hadapan' di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Abdullah berkata, Malaysia negara yang sentiasa berusaha melakukan pelbagai inisiatif penyatupaduan bangsa tidak kira dalam dan luar negara demi menjamin kerjasama untuk pembangunan ekonomi.

"Usaha ini memberikan kepuasan kepada negara. Walaupun melalui pelbagai halangan, kita tetap teguh dengan satu misi iaitu mencapai keamanan," katanya.

Beliau berkata, kejayaan BN menjadikan negara ini contoh kepada negara lain pada aspek menyatupadukan penduduk berbilang kaum di bawah Gagasan 1Malaysia.